



Waspada scam emosi, derma sepanjang Ramadan



Oleh Superintendan Norazlin Che Mohd Noor
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Jabatan Hubungan
Antarabangsa
Keselamatan dan
Undang-Undang,
Fakulti Pengajian
Pengurusan
Pertahanan,
Universiti
Pertahanan Nasional
Malaysia (UPNM)

Hari ini umat Islam mula berpuasa Ramadan al-Mubarak, sekali gus membeli pelbagai barang keperluan. Ada yang sibuk membeli keperluan dapur dan merancang juadah berbuka puasa, malah tidak kurang juga membeli pakaian raya serta membuat persiapan awal bagi menyambut Aidilfitri. Pada masa sama, ramai juga mengambil peluang keberkatan bulan mulia ini untuk bersedekah dan membantu golongan memerlukan.

Namun, dalam kesibukan menunaikan ibadah pada Ramadan dan keterujaan menjelang Aidilfitri, masyarakat perlu lebih berwaspada terhadap penipuan dalam talian atau scam yang lazimnya meningkat setiap kali perayaan.

Laporan pihak berkuasa dan media tempatan menunjukkan jenayah penipuan dalam talian terus membimbangkan saban tahun dengan kerugian besar direkodkan. Malah, terdapat peningkatan kes dalam tempoh singkat menjelang perayaan. Keadaan ini menunjukkan tempoh Ramadan dan menjelang raya antara waktu berisiko tinggi kepada pengguna dalam talian.

Apatah lagi kini semua urusan dilakukan secara dalam talian, termasuk pembelian barangan keperluan sepanjang Ramadan dan persiapan raya, tempahan makanan, pembayaran zakat serta sumbangan derma.

Apabila aktiviti transaksi digital meningkat, risiko penipuan juga naik. Situasi ini membuka ruang kepada pihak tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan. Penjenayah tahu masyarakat sedang sibuk, teruja dan kadangkala terdesak untuk mendapatkan barangan dengan cepat sebelum raya.

Antara penipuan paling kerap berlaku ketika Ramadan dan menjelang raya ialah scam pembelian dalam talian. Tawaran harga terlalu murah bagi pakaian raya, kuih-muih atau barangan keperluan sering menarik perhatian pengguna.

Mangsa teruja melihat promosi luar biasa, lalu membuat bayaran terus ke akaun penjual tanpa menyemak kesahihan. Malangnya, selepas bayaran dibuat, barangan tidak diterima dan penjual pula menghilangkan diri. Tidak kurang juga wujud ke-

dai palsu dalam talian yang sengaja diwujudkan khusus menjelang raya dan kemudian ditutup selepas menerima bayaran.

Selain itu, masyarakat juga perlu berhati-hati terhadap penipuan berkaitan penghantaran atau parcel. Modus operandi ini biasanya membabitkan mesej pesanan ringkas atau WhatsApp yang memaklumkan kononnya terdapat bungkusan tertanggung dan memerlukan bayaran caj tambahan yang kecil.

Mangsa diminta menekan pautan dan memasukkan maklumat kad bank atau perbankkan dalam talian. Walaupun jumlah caj nampak kecil, tujuan sebenar scammer adalah untuk mendapatkan maklumat kewangan mangsa bagi mengeluarkan wang secara tidak sah.

Dalam konteks Ramadan pula, satu lagi penipuan yang semakin membimbangkan ialah scam derma atau bantuan kebajikan palsu. Ramadan sememangnya mendorong umat Islam untuk memperbanyakkan sedekah. Sifat ingin membantu ini sering dimanipulasi melalui rayuan bantuan perubatan palsu, kutipan derma anak yatim yang tidak wujud atau sumbangan kononnya kepada keluarga asnaf. Dalam kebanyakan kes, wang disalurkan ke akaun individu yang tidak mempunyai kaitan dengan organisasi kebajikan sah.

Masyarakat perlu memahami penipuan tidak berlaku kerana mangsa tidak bijak, tetapi kerana emosi dimanipulasi. Pakar keselamatan siber menje-

laskan penjenayah dalam talian menggunakan teknik *social engineering*, iaitu memanipulasi emosi seperti teruja, simpati atau takut supaya mangsa bertindak tanpa semakan.

Bertindak bijak, semak kesahihan maklumat

Dalam kes pembelian murah, mangsa teruja. Dalam kes derma, mangsa tersentuh. Dalam kes parcel, mangsa bimbang barangan tidak sampai sebelum hari raya. Apabila emosi mengatasi logik, risiko menjadi mangsa meningkat.

Selubung itu, masyarakat disaran mengamalkan langkah pencegahan yang mudah, tetapi berkesan bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan. Antara pendekatan yang boleh diamalkan ialah formula PVCA (Pause-Verify-Consult-Act), iaitu berhenti seketika sebelum bertindak, menyemak kesahihan maklumat, mendapatkan pandangan pihak lain yang dipercayai serta hanya membuat keputusan selepas yakin.

Prinsip ini selari dengan saranan agensi keselamatan siber dan kewangan yang menekankan kepentingan tidak bertindak secara tergesa-gesa serta sentiasa mengesahkan maklumat melalui saluran rasmi sebelum melakukan sebarang transaksi kewangan.

Selain itu, elakkan membeli daripada penjual yang tidak dikenali atau menawarkan harga terlalu murah berbanding pasaran. Semak reputasi penjual dan ulasan pelanggan sebelum membuat bayaran. Sebaiknya gunakan platform e-dagang yang mempunyai perlindungan pembeli dan elakkan pindahan wang terus ke akaun individu.

Dalam hal penghantaran pula, jangan menekan pautan diterima melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) atau aplikasi pesanan. Sebarang semakan status bungkusan hendaklah dibuat melalui laman web rasmi syarikat kurier atau aplikasi rasmi dimuat turun sendiri pengguna.

Ketika Ramadan, dorongan emosi untuk membantu golongan memerlukan sering memuncak. Namun, keikhlasan tidak boleh mengatasi pertimbangan logik. Pastikan setiap sumbangan disalurkan melalui organisasi berdaftar dan diiktiraf serta semak kesahihan kempen dipaparkan dalam talian. Langkah berhati-hati ini penting agar niat murni tidak dieksplotasi pihak tidak bertanggungjawab.

Bulan yang mengajar kita kesabaran dan kebajaksanaan ini juga menuntut kita lebih berhati-hati dalam dunia digital. Jangan biarkan kegembiraan membuat persiapan Ramadan dan Aidilfitri bertukar menjadi penyesalan.

“Masyarakat juga perlu berhati-hati terhadap penipuan berkaitan penghantaran atau parcel. Modus operandi ini biasanya membabitkan mesej pesanan ringkas atau WhatsApp yang memaklumkan kononnya terdapat bungkusan tertanggung dan memerlukan bayaran caj tambahan yang kecil”

